

Jualan sektor pembuatan RM888.6 billion

PETALING JAYA: Nilai jualan sektor pembuatan mencapai RM888.6 billion berkembang sebanyak 3.5 peratus bagi tempoh separuh pertama tahun 2023 (1H 2023), menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Pada tempoh tersebut, bilangan pekerja bertambah 2.1 peratus kepada 2.35 juta orang, manakala gaji dan upah tumbuh 4.0 peratus mencatatkan RM48.7 billion.

Nilai jualan per pekerja pada tempoh dilaporkan pula berjumlah RM378,855, tumbuh 1.4 peratus daripada tempoh sama tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, menurut DOSM, nilai jualan sektor pembuatan pada Jun 2023 turun 4.0 peratus kepada RM147.4 billion, selepas merekodkan pertumbuhan positif 3.3 peratus bulan sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk

Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, penurunan dipengaruhi terutamanya oleh subsektor makanan, minuman dan tembakau yangerosot 14.6 peratus iaitu penurunan dua digit bagi tiga bulan berturut-turut.

Tambah beliau, kemerosotan turut disumbangkan oleh penurunan dalam subsektor petroleum, kimia, getah dan plastik (-27.4 peratus); pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-18.6 peratus); dan pembuatan produk getah (-13.2 peratus).

"Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan meningkat marginal sebanyak 0.4 peratus daripada RM146.8 billion yang direkodkan pada Mei 2023," katanya dalam kenyataan Perangkaan Pembuatan Bulanan Malaysia, Jun 2023.

Mohd. Uzir berkata, nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 73.0 peratus daripada jumlah jualan,

merosot 7.4 peratus pada Jun 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.1 peratus bulan sebelumnya.

Penurunan disebabkan terutamanya oleh industri pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan (-27.4 peratus); pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-18.6 peratus); dan pembuatan produk getah (-13.2 peratus).

Sebaliknya, industri berorientasikan domestik terus mengimbangi kejatuhannya dengan merekodkan pertumbuhan positif sejak September 2021, berkembang sebanyak 6.8 peratus pada Jun 2023 (Mei 2023: 12.5 peratus).

Momentum stabil itu disokong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan kukuh nilai jualan bagi industri pembuatan kendaraan bermotor, triler dan semi triler sebanyak 10.5 peratus.

Sementara itu, industri pembuatan prosesan produk makanan dan pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan meneruskan momentum positif dengan masing-masing merekodkan sebanyak 7.5 peratus dan 7.4 peratus.

Mengulas bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, sektor pembuatan melibatkan seramai 2.35 juta orang pada Jun 2023, peningkatan 2.1 peratus berbanding 2.30 juta orang yang direkodkan setahun lalu.

Kenaikan didorong terutamanya oleh subsektor peralatan elektrik dan elektronik (3.4 peratus); produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (1.8 peratus); dan kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain (1.6 peratus).

Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor berbanding suku sama tahun ini berkurang secara marginal sebanyak 0.4 peratus.

Selaras dengan itu, gaji dan upah yang dibayar dalam sektor pembuatan juga meningkat sebanyak 3.0 peratus tahun ke tahun, dengan jumlah RM8.0 billion pada Jun 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji dan upah menyusut 0.6 peratus daripada RM8.1 billion yang direkodkan pada Mei 2023.

Tambahan lagi, purata gaji dan upah bulanan bagi setiap pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus dengan nilai RM3,432 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja jatuh sebanyak 5.9 peratus kepada RM62,853.

Pada suku kedua 2023 (2Q 2023), jualan sektor pembuatan merekodkan penurunan pertama sejak suku kedua 2020 (-16.5 peratus) sebanyak 1.0 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya.